Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.05

KONFLIK MIMIKRI DAN CABARAN IDENTITI DALAM CERPEN *PARRETTE* KARYA S.M ZAKIR.

FATIN FARAH ADLINA MAZLAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
P169087@siswa.ukm.edu.my

*MAS RYNNA WATI AHMAD**
Universiti Kebangsaan Malaysia
masrynna@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Pendekatan pascakolonial memberikan perhatian pada pengalaman masyarakat bekas tanah jajahan yang berhadapan dengan perubahan identitas, budaya, bahasa, dan sistem pemikiran akibat pengaruh kolonial. Dalam kesusasteraan Melayu, pendekatan ini sering diaplikasikan dalam penelitian karya moden, khususnya novel dan cerpen, untuk menghuraikan persoalan hubungan kuasa, pembentukan identitas, serta pertembungan antara budaya tempatan dan budaya kolonial. Antara sarjana yang memberikan sumbangan penting terhadap perkembangan pendekatan ini ialah Homi K. Bhabha melalui konsep mimikri yang menjelaskan kecenderungan masyarakat pascakolonial meniru budaya dominan sehingga membentuk identiti yang hampir menyerupai budaya kolonial tanpa menghapuskan sepenuhnya identiti asal. Berdasarkan konsep tersebut, artikel ini bertujuan untuk menganalisis bentuk mimikri yang ditampilkan dalam cerpen "Parrette" karya S.M. Zakir. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan memberikan tumpuan terhadap penggunaan bahasa dan pembinaan watak yang dianalisis melalui tiga bahagian, iaitu penyesuaian, peniruan, dan penyindiran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan penggunaan bahasa, penamaan ruang, pembentukan identiti watak, dan penerimaan simbol budaya Barat menggambarkan masyarakat Melayu menerima nilai dan budaya yang dibawa oleh kuasa dominan. Keadaan tersebut dimanfaatkan oleh pengarang untuk menyindir masyarakat yang semakin mengutamakan budaya luar, sehingga bahasa, budaya, dan jati diri Melayu semakin menghilang. Penelitian ini mengukuhkan kesesuaian konsep mimikri Homi K. Bhabha sebagai pendekatan untuk mentafsir identiti masyarakat pascakolonial serta memperluas penerapan teori pascakolonial dalam penelitian karya sastera Melayu.

Kata kunci: pascakolonial, kesusasteraan Melayu, mimikri, cerpen, S.M. Zakir

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.05

THE CONFLICT OF MIMICRY AND IDENTITY CHALLENGES IN THE SHORT STORY *PARRETTE* BY S.M. ZAKIR

ABSTRACT

The postcolonial approach focuses on the experiences of societies in former colonies that have transformed identity, culture, language, and systems of thought as a result of colonial influence. In Malay literary studies, this approach is widely used to analyse modern literary works, particularly novels and short stories, to examine issues of power relations, identity formation, and the interaction between local and colonial cultures. One prominent scholar who has significantly contributed to this approach is Homi K. Bhabha, through his concept of mimicry, which explains the tendency of postcolonial societies to imitate the dominant culture, resulting in identities that closely resemble those of the colonisers without completely abandoning their original identity. Based on this approach, the article analyses the forms of mimicry portrayed in S.M. Zakir's short story *Parrette*. This study employs mainly textual analysis, focusing on language use and characterisation through three forms of mimicry: adaptation, imitation, and satire. The findings reveal that changes in language use, place naming, character identity construction, and the adoption of Western cultural symbols reflect the Malay community's tendency to embrace the values and culture introduced by the dominant colonial power. Through these representations, the author critiques a society that increasingly prioritises foreign culture, gradually eroding the Malay language, culture, and identity. This study reinforces the relevance of Homi K. Bhabha's concept of mimicry as an analytical framework for interpreting postcolonial identity and contributes to the expansion of the postcolonial approach in the study of modern Malay literary works.

Keywords: postcolonial, Malay literature, mimicry, short story, S.M. Zakir

PENGENALAN

Perubahan yang berlaku dalam masyarakat bekas tanah jajahan masih menjadi antara isu yang terus diperkatakan dalam pelbagai bidang ilmu termasuk kesusasteraan. Pengaruh kolonial yang pernah mencorakkan kehidupan masyarakat berterusan meninggalkan kesan terhadap pembentukan bahasa, budaya, sistem nilai dan identiti bangsa walaupun pemerintahan penjajah telah pun berakhir. Pengalaman tersebut membuka ruang untuk lahirnya teori pascakolonial yang menumpukan penelitian terhadap hubungan antara masyarakat terjajah dengan kuasa kolonial serta implikasinya terhadap pembentukan identiti.

Perkembangan teori pascakolonial diperkukuh melalui pemikiran beberapa tokoh yang memberikan sumbangan besar dalam bidang ini. Edward W. Said (1978) melalui Orientalism telah menghuraikan bagaimana dunia Barat membentuk gambaran tentang masyarakat Timur sebagai kelompok yang lemah, emosional dan tidak rasional.

ISSN 1675-7513

Representasi tersebut berkembang sebagai suatu wacana yang mengukuhkan dominasi politik, budaya dan intelektual Barat terhadap masyarakat Timur. Gayatri Chakravorty Spivak (1988) pula membincangkan kedudukan golongan subaltern yang sering berada di pinggir struktur kuasa kolonial. Perbincangan mengenai teori pascakolonial kemudiannya dikembangkan oleh Homi K. Bhabha (1994) melalui pengenalan konsep hibriditi, ruang ketiga (third space), ambivalen dan mimikri bagi menghuraikan hubungan antara masyarakat terjajah dengan budaya dominan.

Konsep mimikri yang diperkenalkan oleh Homi K. Bhabha menjadi pendekatan yang digunakan dalam penulisan ini. Mimikri merujuk kepada proses peniruan budaya dominan oleh masyarakat terjajah sehingga membentuk identiti baharu yang dipengaruhi oleh budaya kolonial tanpa menghilangkan sepenuhnya identiti asal. Proses tersebut mewujudkan pembentukan identiti yang berterusan hasil daripada pertembungan antara budaya tempatan dengan budaya penjajah (Husairi Hussin, 2026). Pertembungan yang berlaku telah menimbulkan konflik mimikri apabila masyarakat terjajah berusaha mendekati budaya dominan sehingga berhadapan dengan persoalan kedudukan identiti dalam proses penerimaan dan peniruan budaya Barat.

Fokus utama kajian ini tertumpu kepada analisis teks terhadap cerpen *Parrette* iaitu salah sebuah cerita pendek yang diterbitkan dalam kumpulan cerpen berjudul *Serigala dan Sekuntum Tulip* oleh S. M. Zakir terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010. Menurut Norsuhaila Sulaiman dan Asmiaty Amat (2023), cerpen merupakan genre prosa kreatif yang berkembang secara meluas kerana bentuk penceritaannya yang ringkas, padat dan dapat dihabiskan dalam tempoh pembacaan yang singkat. Penulis turut menjelaskan bahawa perkembangan genre tersebut telah melahirkan beberapa subgenre yang dibezakan berdasarkan jumlah patah perkataan. Antaranya ialah cerita pendek, cereka imbasan, cereka mikro, cerpan dan cermin. Bentuk penceritaan yang padat membolehkan pengarang mengembangkan pelbagai persoalan melalui pembinaan watak, latar, bahasa dan konflik secara lebih berfokus. Keupayaan tersebut menjadikan cerpen sebagai medium yang sesuai untuk mengangkat persoalan berkaitan identiti, budaya dan perubahan masyarakat termasuklah pengalaman yang lahir daripada kesan kolonial. Cerpen *Parrette* dipilih sebagai bahan kajian kerana karya ini menampilkan persoalan perubahan identiti masyarakat Melayu melalui pelbagai bentuk penerimaan budaya dominan yang sesuai diteliti menggunakan konsep mimikri.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis konsep mimikri berdasarkan pemikiran Homi K. Bhabha dalam cerpen *Parrette* karya S. M. Zakir dengan membahagikan kepada tiga bentuk iaitu penyesuaian, peniruan dan penyindiran berdasarkan penggunaan bahasa serta pembinaan watak dalam teks. Perbincangan kajian ini akan menghuraikan kaitan antara bentuk mimikri tersebut dengan perubahan identiti masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerpen.

LATAR BELAKANG S.M ZAKIR

S.M. Zakir atau Syed Mohd. Zakir merupakan antara pengarang yang konsisten menghasilkan karya dalam kesusasteraan Melayu kontemporari. Beliau dilahirkan pada 4 Februari 1969 di Kota Bharu, Kelantan dan mendapat pendidikan di beberapa buah sekolah di Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor sebelum melanjutkan pengajian di Institut

Teknologi MARA (ITM), Shah Alam dalam bidang Pengaturcaraan Komputer. Beliau turut mengikuti pengajian dalam bidang Business Studies di Institute of Commercial Management. Penglibatan yang berterusan dalam dunia penulisan menunjukkan komitmen beliau terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu melalui penghasilan karya kreatif yang merangkumi cerpen, novel, puisi dan esei (Nik Nurul Najaa Mohd. Yasin & Mas Rynna Wati Ahmad, 2024).

Dalam kepengarangannya, S.M. Zakir cenderung mengangkat persoalan kemanusiaan, identiti, budaya dan perubahan sosial yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Persoalan-persoalan tersebut diolah melalui naratif yang menggabungkan unsur perlambangan, falsafah dan kritikan sosial sehingga membentuk identiti kepengarangan yang tersendiri. Kesungguhan beliau dalam menghasilkan karya kreatif telah mendapat pengiktirafan melalui beberapa anugerah berprestij antaranya ialah Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan S.E.A. Write Award. Di samping menghasilkan karya, beliau turut memainkan peranan dalam perkembangan dunia kesusasteraan tanah air melalui penglibatan aktif dalam Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) sebagai Setiausaha Agung.

Bahan utama kajian dalam penulisan ini ialah cerpen *Parrette* yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Serigala dan Sekuntum Tulip* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010. Cerpen ini dipilih kerana mengangkat persoalan perubahan identiti masyarakat Melayu yang digerakkan oleh pengaruh budaya Barat dalam pelbagai aspek kehidupan. Pembinaan ruang, penggunaan bahasa, penamaan tempat, dan perlambangan budaya dimanfaatkan oleh pengarang untuk menggambarkan perubahan pegangan masyarakat terhadap bahasa, budaya, dan sistem nilai. Corak pengolahan tersebut bertepatan dengan konsep mimikri yang dikemukakan oleh Homi K. Bhabha, sekaligus menjadikan cerpen *Parrette* sesuai untuk dianalisis menggunakan pendekatan pascakolonial.

Cerpen *Parrette* mengisahkan sebuah bandar kecil bernama Parit yang mengalami transformasi menjadi sebuah kota moden selepas pelaksanaan dasar liberalisasi. Proses perubahan tersebut disertai dengan penggunaan bahasa Inggeris dan Perancis sebagai bahasa utama, penamaan jalan yang berasaskan budaya Barat dan pembinaan mercu tanda yang menyerupai bandar-bandar di Eropah. Muhammad Nur menjadi watak yang masih mengingati asal-usul bandar Parit dan menyaksikan perubahan yang berlaku terhadap bahasa, budaya serta identiti masyarakat di sekelilingnya. Melalui perkembangan naratif, S.M. Zakir mengemukakan persoalan penerimaan budaya dominan yang telah mempengaruhi jati diri masyarakat Melayu dan menjadi fokus perbincangan dalam artikel melalui konsep mimikri yang diketengahkan oleh Homi K. Bhabha.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penggunaan bahasa slanga iaitu penggunaan bahasa asing bersama bahasa Melayu acapkali terjadi dan ini sudah menjadi suatu normalisasi yang sebenarnya salah. Begitu juga, budaya saduran dan adaptasi budaya Barat dalam kehidupan seharian masyarakat tempatan sudah mula menjadi kebiasaan. Keadaan ini amat dikhuatiri akan meninggalkan kesan hakisan budaya dan bahasa Melayu bakal terpinggir. Bahasa dan budaya Melayu dilihat sepatutnya mengekalkan keasliannya tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur dari Barat.

Terdapat penulisan lepas dalam kajian pascakolonial berkaitan dengan konsep mimikri terutama sekali dalam hubungannya dengan pengaruh budaya Barat. Walau bagaimanapun, penggunaan konsep tersebut lebih banyak tertumpu pada karya bergenre novel berbanding cerpen. Keadaan ini membuka peluang untuk memperluas kajian dalam genre cerpen. Karya nukilan S. M. Zakir dapat dilihat sebagai sebuah karya yang mengangkat persoalan mimikri melalui nada sinis dalam menyindir masyarakat yang ta'asub dengan bahasa dan budaya penjajah sehingga luntur jati diri dan identiti bangsa yang sepatutnya dibanggakan sehingga berzaman. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada sindiran tajam pengarang yang disampaikan dengan nada berseloroh dalam mengangkat isu identiti dan jati diri anak bangsa sekali gus membuktikan bahawa teks sastera dapat menjadi wadah teguran sosial demi kemaslahatan bangsa Melayu secara umum.

KAJIAN PASCAKOLONIAL DALAM PROSA MELAYU MODEN

Teori pascakolonial merupakan salah satu pendekatan yang dapat digunakan untuk memahami pengalaman masyarakat selepas penjajahan khususnya yang berkaitan dengan identiti, budaya, sejarah, dan hubungan kuasa. Dalam karya sastera Melayu, pendekatan ini memberikan ruang untuk membincangkan kesan kolonial terhadap pemikiran dan kehidupan masyarakat serta perubahan yang berlaku selepas berakhirnya pemerintahan penjajah. Persoalan tersebut dapat ditelusuri melalui gambaran kehidupan masyarakat, pertembungan budaya, dan pembentukan identiti dalam karya sastera.

Mohamad Saleeh Rahamad (2012) menggunakan pendekatan pascakolonial dalam kajian terhadap cerpen dan skrip drama karya Awangku Merali. Perbincangan tersebut melibatkan persoalan kolonialisme dalaman, suara golongan subaltern, oksidentalisme, nasionalisme dan ambivalen. Kajian ini membincangkan pengalaman masyarakat peribumi ketika berhadapan dengan pengaruh kolonial British serta usaha mempertahankan identiti tempatan. Persoalan kuasa, identiti dan kedudukan masyarakat tempatan menjadi antara aspek yang diberikan perhatian dalam karya-karya yang dikaji.

Nagesvari Paramasivan dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2025) pula membandingkan novel *Salina* karya A. Samad Said dengan *Memories of Underdevelopment* karya Edmundo Desnoes bagi mengkaji identiti, kemunduran dan perubahan sosial dalam masyarakat selepas penjajahan dan revolusi. Berdasarkan teori pascakolonial Edward Said, khasnya konsep wacana kuasa dan representasi dalam *Orientalism* (1978), kajian tersebut membincangkan kelangsungan dominasi kolonial melalui aspek ekonomi, budaya dan psikologi. Dalam *Salina*, kesan sejarah penjajahan dikaitkan dengan penderitaan komuniti bandar akibat kemiskinan dan perubahan sosial selepas Perang Dunia Kedua. Kajian ini menghubungkan warisan kolonial dengan pembentukan identiti serta perubahan sosial dalam masyarakat pascakolonial.

Selain itu, terdapat kajian yang mengaitkan prosa moden dengan keadah pascakolonial yang dilihat bertepatan. Ini dapat dilihat dalam Husairi Hussin (2026) yang membincangkan novel sejarah *Cinta Natrah* karya Nazri Hussein melalui pendekatan pascakolonial dengan memberikan perhatian kepada dekonstruksi bangsa dan pembinaan identiti budaya. Kajian tersebut menggunakan pemikiran Homi K. Bhabha iaitu konsep ruang ketiga bagi menghuraikan pembentukan identiti dalam naratif sejarah. Pertembungan

sejarah dan budaya dalam novel ini membentuk ruang perundingan identiti bagi masyarakat yang berhadapan dengan pengaruh kolonial. Kajian ini memperkukuh perbincangan tentang hubungan antara sejarah, budaya dan identiti dalam novel Melayu melalui pendekatan pascakolonial.

Dalam lingkungan kajian pascakolonial, konsep mimikri Homi K. Bhabha menyediakan ruang untuk meneliti pengaruh budaya kolonial terhadap pembentukan identiti masyarakat yang terjajah. Perbincangan mengenai konsep ini dalam karya sastera Melayu dapat ditemui dalam kajian yang memberi perhatian kepada hubungan antara budaya Barat dan kehidupan masyarakat tempatan. Merujuk Afifah Mohamad Radzi dan Mohd Hasrul Kamarulzaman (2017) mengkaji konsep mimikri dalam novel *Confessions of an Old Boy: The Dato' Hamid Adventures* karya Kam Raslan. Kajian tersebut memberikan tumpuan kepada watak Dato' Hamid yang menerima pengaruh British dalam kehidupan dan pemikirannya. Pengaruh tersebut dikaitkan dengan gaya hidup, pertuturan, penampilan dan pandangan watak terhadap masyarakat di sekelilingnya.

Selain itu, Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2020) memberikan perhatian kepada novel *Tun Tuah* karya Affifudin Omar dengan menggunakan konsep mimikri Homi K. Bhabha. Analisis kajian berasaskan tiga aspek iaitu *contesting colonisation, metonymy of presence* dan *resisting colonialist discourse*. Ketiga-tiga aspek tersebut digunakan untuk menghuraikan kedudukan watak Melayu ketika berhadapan dengan pengaruh Barat serta cara mereka mengekalkan identiti tempatan. Watak Tun Tuah, Tun Perak dan Sultan Alauddin Riayat Shah antara watak yang dibincangkan dalam perbincangan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha mencapai kejayaan dalam kehidupan dan ekonomi tidak semestinya membawa kepada penerimaan keseluruhan cara hidup Barat. Watak-watak tersebut masih berpegang pada tradisi Melayu dan kepercayaan Islam sambil berhadapan dengan pengaruh kolonial. Kajian ini memberikan gambaran tentang hubungan antara penerimaan unsur luar dengan usaha mempertahankan identiti Melayu melalui konsep mimikri.

Persoalan pengaruh budaya Barat dan pembentukan identiti Melayu juga menjadi tumpuan Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2022) dalam novel *Paradoks* karya Affifudin Omar. Kajian ini menggunakan konsep mimikri Homi K. Bhabha untuk menghuraikan pembentukan identiti watak Melayu dalam hubungannya dengan budaya Barat dan wacana kolonial. Analisis tersebut melibatkan tiga bahagian iaitu *contesting colonisation, metonymy of presence* dan *splitting of colonialist discourse*. Watak Melayu dalam novel tersebut berhadapan dengan pengaruh budaya Barat sambil mengekalkan nilai dan kepercayaan yang menjadi asas identiti mereka.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, perbincangan tentang mimikri dalam karya sastera Melayu menunjukkan kaitan yang rapat antara pengaruh budaya Barat dan pembentukan identiti sesebuah masyarakat. Pengaruh tersebut hadir melalui pelbagai aspek kehidupan seperti budaya, pemikiran, nilai dan cara hidup. Kajian sedia ada lebih banyak memberikan tumpuan kepada genre novel dalam membincangkan pengalaman masyarakat Melayu dan perubahan identiti yang berlaku apabila berhadapan dengan budaya dominan.

Fokus tersebut membuka ruang untuk melihat konsep mimikri dalam karya daripada genre yang berbeza iaitu cerpen. Sehubungan dengan itu, cerpen *Parrette* karya S.M. Zakir dipilih sebagai bahan kajian untuk menghuraikan pengaruh budaya Barat terhadap bahasa, identiti dan kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini berlandaskan

konsep mimikri Homi K. Bhabha dengan membahagikan analisis kepada tiga kategori iaitu penyesuaian, peniruan dan penyindiran**.**

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan analisis kepustakaan. Pendekatan kualitatif sesuai digunakan kerana penelitian memberikan tumpuan kepada tafsiran terhadap makna, gambaran dan hubungan antara unsur dalam teks sastera. Analisis teks tertumpu pada cerpen *Parrette* karya S.M. Zakir yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Serigala dan Sekuntum Tulip* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010. Analisis kepustakaan pula melibatkan penelitian terhadap buku, artikel jurnal dan sumber ilmiah yang berkaitan. Sumber-sumber tersebut dijadikan landasan untuk membincangkan elemen pascakolonial, khususnya mimikri yang terdapat dalam cerpen.

Prosedur analisis dimulakan dengan pembacaan keseluruhan cerpen *Parrette* bagi mengenal pasti gambaran pengaruh budaya dominan dan perubahan identiti masyarakat Melayu. Unit analisis terdiri daripada petikan naratif yang menunjukkan penerimaan atau peniruan unsur budaya dominan dan respons pengarang terhadap keadaan tersebut. Petikan yang dikenal pasti kemudiannya dianalisis berdasarkan konteks penggunaannya dalam teks dan dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu penyesuaian, peniruan dan penyindiran.

Pembentukan ketiga-tiga kategori tersebut berlandaskan pemikiran Bhabha tentang konsep mimikri sebagai proses apabila subjek terjajah didorong untuk menyerupai budaya dominan, akan tetapi tidak pernah mencapai persamaan yang mutlak. Petikan yang menunjukkan penerimaan terhadap unsur budaya dominan dikelompokkan dalam kategori penyesuaian, manakala petikan yang menunjukkan usaha untuk menyerupai atau mengangkat unsur tersebut dikategorikan sebagai peniruan. Petikan yang mengandungi ketegangan atau kritikan terhadap perubahan tersebut pula dikelompokkan dalam kategori penyindiran. Pembahagian ini membolehkan data kajian disusun secara sistematik bagi meneliti bentuk mimikri dan hubungannya dengan perubahan identiti masyarakat Melayu dalam cerpen *Parrette*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang digunakan iaitu penyesuaian, peniruan dan penyindiran. Ketiga-tiga kategori ini dikenal pasti melalui analisis yang memberi fokus kepada penggunaan bahasa dan pembinaan watak dalam cerpen dengan berpandukan konsep mimikri. Setiap bahagian perbincangan menghuraikan bagaimana unsur budaya dominan mempengaruhi pembentukan identiti masyarakat Melayu.

Penyesuaian Terhadap Budaya Dominan

Penyesuaian merupakan antara bentuk mimikri yang memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap unsur budaya dominan sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan harian. Dalam kerangka pemikiran Homi K. Bhabha, proses ini berlaku apabila

masyarakat yang terjajah mengadaptasi unsur budaya yang dibawa oleh kuasa kolonial tanpa sepenuhnya meninggalkan identiti asal. Keadaan tersebut mewujudkan identiti yang berada di antara budaya tempatan dan budaya dominan, serta menjadikannya salinan yang tidak akan pernah sama (Sahar Jamshidian & Farideh Pourgiv, 2019). Dalam cerpen *Parrette*, S.M. Zakir menggambarkan proses penyesuaian melalui penggunaan bahasa dan pembinaan watak bagi memaparkan perubahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu selepas menerima pengaruh budaya Barat.

Penggunaan bahasa menjadi petunjuk awal kepada perubahan identiti masyarakat Parrette terhadap budaya dominan. Perubahan tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

> "Satu-satunya bahasa yang digunakan sekarang ialah bahasa Inggeris dan bahasa kedua ialah bahasa Perancis. Tidak ada lagi bahasa Melayu."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 7–8)

Pengarang menggambarkan bahasa Inggeris dan bahasa Perancis sebagai bahasa yang menguasai ruang komunikasi masyarakat Parrette sehingga bahasa Melayu tidak lagi digunakan dalam kehidupan harian. Perubahan ini membuktikan bahawa penerimaan masyarakat terhadap bahasa Barat sebagai bahasa yang mempunyai nilai dan kedudukan yang lebih tinggi. Dalam sudut konsep mimikri, penggunaan bahasa tersebut menunjukkan proses penyesuaian yang berlaku apabila masyarakat menerima unsur budaya dominan sebagai sebahagian daripada amalan sosial mereka. Bahasa Melayu yang pernah menjadi lambang identiti masyarakat semakin kehilangan fungsi dalam komunikasi harian manakala bahasa Barat diterima sebagai norma baharu yang mencerminkan kemajuan. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Bhabha bahawa mimikri lahir daripada kecenderungan masyarakat terjajah mengadaptasi bahasa dan budaya dominan sehingga terbentuk identiti yang hampir menyerupai budaya kolonial.

Penyesuaian terhadap budaya dominan turut diperkukuh melalui pembinaan watak masyarakat Parrette yang menerima perubahan identiti sebagai perkara biasa dalam kehidupan:

> "Nama mereka bukan ada nama Melayu lagi. Ada yang pangkal namanya seperti Melayu tetapi di hujungnya Eropah atau Latin atau Rusia barangkali. Ada yang pangkalnya nama Eropah, hujungnya sedikit berbunyi Melayu. Kebanyakannya pangkal dan hujung nama mereka sudah tidak ada bunyi nama Melayunya lagi."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 7–8)

Pembinaan watak masyarakat Parrette melalui penggunaan nama menjelaskan perubahan identiti yang berkembang seiring dengan penerimaan budaya Barat. Nama yang menggabungkan unsur Melayu dengan unsur Eropah, Latin dan Rusia mencerminkan kecenderungan masyarakat menyesuaikan identiti mereka dengan bentuk penamaan yang hadir daripada lingkungan budaya luar. Perubahan ini membawa makna terhadap cara individu menampilkan dirinya kerana nama berfungsi sebagai tanda pengenalan yang turut

membawa latar budaya seseorang. Apabila unsur Eropah, Latin dan Rusia mula mendominasi dalam pembentukan nama, identiti Melayu semakin kurang terserlah.

Keadaan ini bersesuaian dengan konsep mimikri Bhabha iaitu menghasilkan identiti yang *almost the same, but not quite.* Kenyataan itu merujuk kepada proses penyesuaian yang dilakukan menghampiri budaya dominan akan tetapi tidak akan menjadi salinan yang sepenuhnya sama. Hal ini dapat dilihat melalui kewujudan nama yang masih mempunyai sedikit unsur Melayu pada bahagian tertentu sementara unsur asing semakin mengambil tempat dalam pembentukan nama.

Gambaran yang dibina oleh S.M. Zakir melalui watak-watak dalam cerpen ini memberikan gambaran tentang bahawa penyesuaian terhadap budaya Barat telah mempengaruhi pembentukan identiti masyarakat sehingga unsur budaya tempatan semakin berkurangan dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu tidak mampu untuk menyesuaikan sepenuhnya dengan budaya dominan. Kedua-dua unsur tersebut menjadi medium yang digunakan oleh S.M. Zakir untuk mengangkat persoalan perubahan identiti masyarakat Melayu dalam konteks pascakolonial.

Peniruan Sebagai Pembentukan Identiti Baharu

Peniruan merupakan bentuk mimikri yang mencerminkan masyarakat membentuk identiti baharu melalui pengambilan unsur budaya dominan. Afifah Mohamad Radzi dan Mohd Hasrul Kamarulzaman (2017) menjelaskan bahawa mimikri merupakan sebahagian daripada konsep ambivalensi Homi K. Bhabha yang merujuk kepada keadaan apabila subjek terjajah berusaha menyerupai pihak kolonial tanpa mencapai persamaan sepenuhnya. Dalam cerpen *Parrette*, peniruan digambarkan secara jelas melalui penggunaan bahasa dan pembinaan watak yang menerima simbol serta citra Barat sebagai ukuran kemajuan. Pengolahan tersebut menampilkan proses peniruan tidak hanya berlaku pada peringkat luaran tetapi turut mempengaruhi cara masyarakat mentafsir ruang kehidupan, nilai budaya dan identiti mereka.

Penggunaan bahasa menjadi antara medium yang menjelaskan bahawa masyarakat Parrette telah meniru golongan Barat dan dapat dibuktikan melalui petikan teks:

> "Nama jalan dan lorongnya dinamakan dengan nama King Street, Queen Street, Prince Street, Princess Street dan cucu-cicit raja dan ratu Inggeris itu."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 2–3)

Pemilihan nama jalan berasaskan bahasa Inggeris menggambarkan usaha untuk membentuk imej bandar yang menyerupai kota-kota Barat. Penggunaan nama seperti King Street, Queen Street, Prince Street dan Princess Street membawa konotasi kuasa, prestij dan sejarah institusi diraja British yang tidak mempunyai hubungan dengan latar budaya asal masyarakat Parrette. Pilihan penggunaan bahasa Inggeris juga menzahirkan unsur Barat diterima sebagai rujukan dalam pembentukan identiti bandar. Terdapat juga unsur peniruan yang lain dalam cerpen iaitu melalui pertukaran nama asal sesebuah kota seperti:

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.05

> "Dahulu kota ini merupakan sebuah bandar kecil. Namanya Parit… Tetapi sesudah 50 tahun dasar liberalisasi diperkenalkan, bandar kecil yang bernama Parit itu tiba-tiba berubah dengan pelik sekali."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 7–8)

Perubahan nama daripada "Parit" kepada "Parrette" memperlihatkan peniruan identiti Barat melalui penggunaan nama yang bercirikan asing. Pertukaran tersebut bukan sekadar melibatkan nama, tetapi juga menampilkan usaha membentuk imej kota yang dianggap lebih moden dan bertaraf antarabangsa. Peniruan ini menunjukkan masyarakat pascakolonial menerima pengaruh budaya Barat sebagai ukuran kemajuan sehingga identiti tempatan semakin terpinggir. Keadaan ini bersesuaian dengan konsep mimikri Homi Bhabha yang menjelaskan bahawa masyarakat terjajah cenderung meniru budaya penjajah dalam usaha memperoleh pengiktirafan walaupun peniruan tersebut tidak menghasilkan persamaan yang sepenuhnya dengan pihak yang ditiru.

Peniruan terhadap budaya Barat turut diperkukuh lagi melalui pembinaan watak khasnya dalam kalangan pemimpin dan masyarakat yang menerima simbol Barat sebagai sebahagian daripada identiti tempatan:

> "Di tengah-tengah bulatan dibina sebuah menara jam, walaupun tidak diberi sebarang nama tetapi orang ramai menyebutnya sebagai Big Ben sempena nama menara jam di London itu. Pemimpin politik, ketua birokrat dan pembesar tempatan juga menyebutnya sebagai 'our Big Ben'."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 2–3)

Pembinaan watak dalam petikan ini mengetengahkan bahawa golongan pemimpin dan masyarakat menerima simbol Barat sebagai lambang kemajuan yang wajar dibanggakan. Penggunaan frasa "our Big Ben" mencerminkan rasa memiliki terhadap simbol yang berasal daripada budaya luar sehingga mercu tanda tersebut diterima sebagai sebahagian daripada identiti bandar Parrette. Keadaan ini secara tidak langsung menggambarkan tentang konsep mimikri iaitu peniruan terhadap bangsa yang menjajah. Tindakan yang dilakukan turut disokong oleh kelompok yang mempunyai pengaruh dalam menentukan hala tuju masyarakat. Melalui pembinaan watak sedemikian, S.M. Zakir mengemukakan kritikan terhadap kecenderungan masyarakat yang membentuk identiti baharu berasaskan citra Barat sehingga warisan tempatan semakin kehilangan tempat dalam kehidupan mereka.

Penyindiran Terhadap Mimikri Budaya Barat

Penyindiran dalam konsep mimikri merujuk kepada bentuk kritikan yang lahir daripada hubungan antara masyarakat terjajah dengan kuasa kolonial. Jurang yang wujud antara budaya asal dan budaya yang ditiru membuka ruang untuk kritikan terhadap autoriti kolonial melalui unsur ironi dan sindiran. Dalam cerpen *Parrette*, pendekatan tersebut diberikan pengolahan yang berbeza apabila S.M. Zakir mengarahkan penyindiran kepada

masyarakat Melayu sendiri yang semakin cenderung menerima pengaruh budaya Barat sehingga bahasa, budaya dan jati diri semakin terpinggir. Melalui penggunaan bahasa dan pembinaan watak, pengarang mengangkat persoalan tersebut sebagai renungan tentang kedudukan identiti masyarakat Melayu dalam kehidupan pascakolonial.

Penulisan cerpen ini menjadi wahana penting untuk menyampaikan sindiran terhadap perubahan yang terjadi dalam masyarakat Parrette. Perkara tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

> "Satu-satunya penyebab segala kehancuran dan kepupusan Melayu ini ialah bangsa Melayu itu sendiri. Mereka yang menghancurkan bahasa Melayu mereka sendiri. Budaya Melayu mereka sendiri."
>
> (S.M. Zakir, 2010: 15)

Pilihan kata seperti kehancuran, kepupusan dan menghancurkan membentuk nada yang tegas terhadap sikap masyarakat yang semakin menjauh daripada bahasa dan budaya sendiri. Pengarang tidak meletakkan kesalahan tersebut kepada kuasa luar dan menumpukan perhatian kepada tindakan masyarakat yang menerima pengaruh budaya dominan tanpa mempertahankan warisan yang dimiliki. Penggunaan bahasa dalam petikan tersebut menggambarkan bahawa proses mimikri yang berlaku tidak lagi terhad kepada penyesuaian atau peniruan akan tetapi berkembang sehingga mengubah cara masyarakat menilai bahasa dan budaya sendiri. Kritikan tersebut menunjukkan bahawa kehilangan identiti bermula apabila masyarakat sendiri tidak lagi menjadikan bahasa Melayu sebagai asas pembentukan jati diri.

Penyindiran terhadap mimikri juga terdapat dalam pembinaan watak masyarakat Parrette yang menerima perubahan identiti sebagai lambang kemajuan. Sikap tersebut digambarkan melalui penerimaan terhadap budaya Barat dalam kehidupan harian sehingga warisan tempatan semakin diketepikan. Pembinaan watak sedemikian memberikan gambaran bahawa masyarakat lebih cenderung mengangkat unsur budaya luar berbanding menghargai identiti yang diwarisi. Pengarang menggunakan watak-watak tersebut untuk menjelaskan bahawa penerimaan terhadap budaya dominan berlaku secara sukarela dan berkembang dalam pelbagai lapisan masyarakat. Gambaran ini selari dengan konsep mimikri Homi K. Bhabha yang menghuraikan kecenderungan masyarakat terjajah menghampiri budaya dominan sehingga terbentuk identiti yang berada di antara dua budaya. Dalam cerpen *Parrette*, keadaan tersebut diterjemahkan melalui watak-watak yang semakin sukar mengenal pasti sempadan antara identiti tempatan dengan identiti yang dipengaruhi oleh budaya Barat khasnya para pemimpin. Penyindiran yang terdapat dalam cerpen menjadi bentuk mimikri yang mengungkapkan kritikan pengarang terhadap kecenderungan masyarakat mengangkat budaya dominan sehingga identiti Melayu semakin terpinggir.

RUMUSAN

Perbincangan makalah ini menunjukkan bahawa konsep mimikri yang diketengahkan Homi K. Bhabha memberikan kerangka bersesuaian untuk meneliti perubahan pembentukan identiti masyarakat pascakolonial dalam cerpen *Parrette* karya S.M. Zakir.

Analisis terhadap penggunaan bahasa dan pembinaan watak menemukan tiga bentuk mimikri iaitu penyesuaian, peniruan dan penyindiran. Penyesuaian terbentuk melalui penerimaan bahasa Inggeris dan bahasa Perancis serta perubahan nama individu yang menggabungkan unsur tempatan dengan unsur Barat. Peniruan pula terserlah melalui penamaan jalan, perubahan nama kota Parit kepada Parrette dan penerimaan simbol Barat seperti Big Ben sebagai rujukan kemajuan. Pada tahap penyindiran, pengarang mengarahkan kritikan terhadap masyarakat Melayu yang menerima budaya dominan sehingga bahasa, budaya dan jati diri semakin terpinggir. Ketiga-tiga bentuk tersebut menunjukkan bahawa mimikri dalam cerpen ini berkait rapat dengan perubahan cara masyarakat membentuk, menerima dan menilai identiti mereka dalam ruang pascakolonial.

Dapatan kajian selanjutnya menunjukkan bahawa proses mimikri tidak terbatas pada pengambilan unsur budaya luar secara luaran akan tetapi turut melibatkan perubahan dalam cara masyarakat memberikan nilai terhadap bahasa, ruang dan identiti. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Perancis dalam kehidupan seharian, perubahan nama individu dan tempat serta penerimaan simbol Barat menunjukkan kecenderungan masyarakat untuk menilai kemodenan dan prestij berasaskan budaya dominan. Perubahan tersebut meletakkan identiti masyarakat dalam kedudukan yang kompleks kerana unsur tempatan masih wujud dalam lingkungan identiti yang sedang mengalami penyesuaian. Dalam kerangka Bhabha, keadaan ini dapat dikaitkan dengan sifat mimikri yang menghasilkan identiti hampir menyerupai budaya dominan tanpa mencapai persamaan yang mutlak.

Pada masa yang sama, pengolahan S.M. Zakir memberikan perhatian yang penting terhadap kedudukan bahasa dan budaya Melayu dalam arus perubahan tersebut. Penggunaan bahasa asing sehingga menggantikan bahasa Melayu, perubahan nama yang semakin menjauh daripada ciri tempatan dan penerimaan simbol budaya Barat dalam pembentukan ruang bandar membentuk suatu wacana tentang kecenderungan masyarakat terlalu menyanjungi unsur luar. Situasi ini membawa implikasi terhadap kelangsungan bahasa, budaya dan jati diri apabila penerimaan terhadap budaya dominan berlaku dalam kehidupan masyarakat. Penyindiran yang dibina melalui suara naratif dan pembinaan watak berfungsi sebagai medium kritikan sosial yang mengarahkan perhatian kepada sikap masyarakat terhadap warisan sendiri. Kritikan tersebut menunjukkan bahawa hakisan identiti berpunca daripada pengaruh budaya luar dan juga berkait dengan tahap penerimaan masyarakat terhadap pengaruh budaya dominan.

Secara keseluruhannya, *Parrette* mengemukakan persoalan identiti pascakolonial melalui hubungan yang saling berkaitan antara penyesuaian, peniruan dan penyindiran. Penerapan konsep mimikri Bhabha membolehkan perubahan bahasa, budaya, ruang dan pembentukan watak ditafsir sebagai sebahagian daripada proses pembentukan identiti yang dipengaruhi oleh budaya dominan. Kekuatan cerpen ini terletak pada keupayaan pengarang mengolah persoalan melalui kritikan terhadap masyarakat yang semakin mengutamakan unsur budaya luar sehingga kedudukan warisan tempatan terjejas. Dalam konteks kesusasteraan Melayu, penelitian ini memperluas pemahaman terhadap mimikri sebagai proses yang melibatkan peniruan budaya kolonial, kesedaran terhadap pengaruh luar dan implikasi daripada penerimaan budaya dominan. Pendekatan ini seterusnya mengukuhkan potensi karya sastera Melayu moden sebagai ruang untuk menilai semula hubungan antara pengaruh budaya luar dengan kelangsungan bahasa, budaya dan jati diri masyarakat pascakolonial.

RUJUKAN

Afifah Mohamad Radzi & Mohd Hasrul Kamarulzaman. 2017. The impact of mimicry and othering in Kam Raslan's Confessions of an Old Boy: The Dato' Hamid Adventures. *Proceedings of 8th International Conference on Literature, Languages, Humanities and Interdisciplinary Studies (LLHIS-17)*, 212–217.

Bhabha, H. 1994. *The Location of Culture*. Routledge.

Husairi Hussin. 2026. Dekonstruksi bangsa dan identiti budaya dalam novel sejarah Cinta Natrah: Analisis pascakolonial terhadap sejarah dan memori kolektif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(4).

Mohamad Saleeh Rahamad. 2012. Awangku Merali: Mengembalikan Timur kepada Timur. *Malay Literature*, 25(1).

Nagesvari Paramasivan & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. 2025. Keterasingan dan kemunduran dalam masyarakat pascakolonial: Kajian bandingan novel Salina dan Memories of Underdevelopment. *Malay Literature*, 38(2), 271–302.

Nik Nurul Najaa Mohd Yasin & Mas Rynna Wati Ahmad. 2024. Prinsip stilistik J.J. Webber(1989) dalam novel Rumah Kupu-Kupu S.M. Zakir. *Jurnal Melayu*, 136-151.

Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2020. The strength of Malayness through colonial mimicry in Affifudin Omar's Tun Tuah. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan,* 17 (1), 188-200.

Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2022. Exploring Colonial Mimicry in Affifudin Omar's Paradoks. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 10(3), 27 – 37.

Norsuhaila Sulaiman & Asmiaty Amat. 2023. Wanita dalam cerpen Wadah 1986–1990: Suatu perspektif feminis. *Jurnal Gendang Alam*, 13(2).

Said, Edward W. 1978. *Orientalism*. New York: Pantheon Books.

Sahar Jamshidian & Farideh Pourgiv. 2019. Local heritage/global forces: hybrid identities in Le Guin's The Telling. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 19 (4).

Syed Mohd. Zakir Syed Othman. 2010. *Kumpulan Cerpen: Serigala dan Sekuntum Tulip*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata penulis:

Fatin Farah Adlina Mazlan merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi pengajian 2022–2025.

Mas Rynna Wati Ahmad (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau meliputi falsafah dan pemikiran dalam teater dan kesusasteraan bandingan.